



SEBAHAGIAN pesakit ditempatkan sementara di lobi klinik pesakit luar selepas mereka diarah keluar daripada Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di Kuantan kerana merasai gegaran semalam.

● BERNAMA



KETUA Polis Perlis, SAC Zull Aznam Haron (dua dari kanan) mengarahkan orang ramai yang berada di pesisir pantai Kuala Perlis, Perlis beredar setelah amaran tsunami dikeluarkan, petang semalam.



Gempa Aceh



SEBAHAGIAN penduduk Pangsapuri Damansara Bistari, SS2 Petaling Jaya, keluar dari bangunan berikutan gegaran akibat gempa bumi di Aceh, semalam.





IBRAHIM Ngah, 80 penduduk pangsapuri Ladang Gemilang, Kuala Terengganu, dibantu anaknya menyelamatkan diri ketika berlaku gegaran akibat gempa bumi yang melanda Aceh, petang semalam.



SEBAHAGIAN orang ramai yang datang ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star untuk melawat keluarga di aras lima di arah turun akibat berlaku gegaran petang semalam.



SEBAHAGIAN pelawat berkumpul di luar lobi berikutan mendapat aduan berlakunya gegaran akibat gempa bumi di Hospital Selayang, Selangor, petang semalam.